

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN BAHAN KIMIA

\*\*Berdasarkan Peraturan – peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000

"...Jika apa-apa kewajipan dikenakan oleh Peraturan-Peraturan ini ke atas seseorang majikan berkenaan dengan pekerjaanya, dia hendaklah, setakat yang praktikal, dikenakan kewajipan yang serupa berkenaan dengan mana-mana orang lain yang mungkin terjejas oleh kegiatan kerja yang dijalankan oleh majikan itu, sama ada sedang bekerja atau bukan sedang bekerja..."

01

## PENYEDIAAN DAFTAR BAHAN KIMIA

### PERATURAN 5

"...Majikan hendaklah mengenal pasti dan merekodkan dalam suatu daftar semua bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang digunakan di tempat kerja..."



PEL Permissible Exposure Limits

02

## MEMASTIKAN HAD PENDEDAHAN DIPATUHI

### PERATURAN 6

"...Majikan hendaklah memastikan bahawa pendedahan orang kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang disenaraikan dalam Jadual I tidak melebihi had siling yang ditetapkan..."

03

## Menjalankan Penaksiran Risiko

### PERATURAN 9

"...majikan tidak boleh menjalankan apa-apa kerja yang boleh mendedahkan atau mungkin mendedahkan pekerja kepada apa-apa bahan kimia berbahaya kepada kesihatan melainkan jika dia telah membuat penaksiran bertulis mengenai risiko yang terhasil daripada bahan kimia ...."



04

## PENGUNAAN PPE DILULUSKAN

### PERATURAN 16

"...Kelengkapan pelindung diri yang diluluskan hendaklah digunakan..."



05


## PERALATAN KAWALAN KEJURUTERAAN & LEV

### PERATURAN 17

"...Peralatan kawalan kejuruteraan perlu diperiksa mengikut lat masa oleh majikan, juruteknik higien industri berdaftar..."

### PERATURAN 18

"...rekabentuk, dan pengujian LEV perlulah dilakukan oleh Jurutera Profesional berdaftar..."



06

## PELABELAN YANG BETUL

### PERATURAN 20

"...majikan hendaklah memastikan bahawa semua bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang dibekal atau dibeli olehnya dan digunakan di tempat kerja dilabelkan..."

### PERATURAN 21

"...pelabelan perlu mengikuti keperluan CLASS 2013"



07

## MAKLUMAT, ARAHAN DAN LATIHAN

### PERATURAN 22

"...majikan yang mengusahakan kerja yang boleh mendedahkan atau mungkin mendedahkan pekerjaanya kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan hendaklah menyediakan pekerjaanya dengan apa-apa maklumat, arahan dan latihan sebagaimana yang perlu..."

08

## PENYEDIAAN SDS

### PERATURAN 24

"...majikan yang menerima bekalan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang baginya bahan kimia itu tidak dilabelkan atau SDS tidak disediakan, hendaklah memperoleh maklumat berkaitan daripada pembekal dan tidak boleh menggunakan bahan kimia itu sehingga maklumat sedemikian diperolehi..."

09

## PENGAWASAN PENDEDAHAN & PEMANTAUAN KESIHATAN

### PERATURAN 26

"... Jika sesuatu penaksiran risiko kepada kesihatan menunjukkan bahawa pemantauan pendedahan adalah dikehendaki atau perlu, pemantauan pendedahan perlu dilakukan oleh juruteknik higien berdaftar..."

### PERATURAN 27

"... Jika sesuatu penaksiran menunjukkan bahawa pengawasan kesihatan perlu majikan hendaklah menjalankan program pengawasan kesihatan melalui doktor kesihatan pekerjaan berdaftar..."



10

## PENYEDIAAN TANDA AMARAN

### PERATURAN 29

"... Jika sesuatu bahan kimia berbahaya kepada kesihatan digunakan, majikan hendaklah memastikan bahawa tanda amaran ditampalkan di tempat yang mudah dilihat di tiap-tiap pintu masuk kawasan untuk memberi amaran. Tanda amaran hendaklah memberi amaran tentang bahaya, ditulis dalam bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris, dan dicetak dengan warna merah tua berlatar belakangkan warna putih..."



The Globally Harmonized System of Classification and Labeling of Chemicals

GHS